

11 JUL 2008

Nik Aziz

## mahu jumpa PM bincang masalah perpecahan

KOTA BHARU 25 Julai — Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat menyuarakan hasratnya untuk bertemu dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bagi berbincang mengenai masalah perpecahan Melayu.

Beliau yang mengakui kebolehan Dr. Mahathir mengendalikan perkara tersebut bersetuju jika Pas dan UMNO dibubarkan untuk bersama-sama duduk di bawah satu parti.

Menurutnya, masalah tersebut perlu diselesaikan segera kerana Presiden UMNO sering merungut mengenai perpecahan bangsa Melayu kerana berlainan parti.

### Pandangan

“Ini pandangan peribadi saya, Pas nak terima ke tidak, itu wallahualam tetaipi kalau beliau (Dr. Mahathir) nak sungguh-sungguh, kita boleh duduk berbincang.

“Beliau boleh panggil saya bincang barulah Melayu Pas dan UMNO tak berpecah, kalau tidak semua berpecah sebab masing-masing nak orang Melayu duduk di bawah parti yang dipimpin,” katanya di sini hari ini.

“Kalau satu parti tak adalah nak gaduh-gaduh lagi kalau lawan pun, lawan DAP sahajalah,” katanya sebagai mengulas lanjut cadangannya untuk melaksanakan satu sistem parti di negara ini yang didakwa mampu melahirkan wakil rakyat berwawasan, berkualiti dan berakhlak mulia.

Katanya, sistem satu parti apabila dilaksanakan akan mampu menyelesaikan masalah seperti politik wang, pengundi hantu serta amalan ‘cah keting’ di kalangan calon.